

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Komunikasi Korporat Kumpulan
Tingkat 31, Menara Bank Islam
No. 22 Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Telefon 03 2088 8000
Faks 03 2781 2998
www.bankislam.com.my

SADAQA HOUSE BANK ISLAM DIKTIRAF SEBAGAI INISIATIF KEWANGAN SOSIAL TERBAIK 2019

KUALA LUMPUR, Khamis, [21 November 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam"), menerima pengiktirafan berprestij Inisiatif Kewangan Sosial Terbaik 2019 bagi platform pendanaan awam (*crowdfunding*) Islam iaitu Sadaqa House di Anugerah Perbankan Runcit Islam ke-5 2019 (IRBA).

Bagi memberi pengiktirafan kepada individu-individu dan institusi-institusi yang cemerlang dalam perbankan runcit Islam, IRBA telah melantik panel pakar bebas terpilih untuk menilai perkembangan dan pencapaian pemain industri berdasarkan model penilaian cekap yang dibangunkan oleh Cambridge IFA, sebuah institut intelek perkhidmatan kewangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed, berkata, "Sadaqa House telah memainkan peranan penting dalam inisiatif Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") kerana ia merupakan sebahagian daripada usaha kami dalam membangunkan produk dan perkhidmatan yang juga memenuhi keperluan kebajikan masyarakat. Kami sangat berbesar hati untuk menerima anugerah ini. Kami mungkin tidak dapat mencapainya tanpa kepercayaan dan sokongan yang diberikan oleh tenaga kerja, rakan perniagaan, pihak berkepentingan dan pelanggan kami. Saya berharap agar pengiktirafan ini akan memberi suntikan semangat dalam meneruskan usaha kami untuk membawa Bank Islam ke tahap yang lebih tinggi."

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi Cambridge IFA, Prof. Humayon Dar kepada Encik Mohd Muazzam di ibu pejabat Bank Islam semalam. Turut hadir menyaksikan penyampaian anugerah tersebut ialah Ustaz Mohd Nazri Chik, Ketua Pegawai Syariah Bank Islam dan Dr. Sofiza Azmi, Ketua Pegawai Eksekutif Cambridge IFA.

Sadaqa House membolehkan orang ramai menderma melalui pelbagai platform dalam talian bagi manfaat pelbagai projek kebajikan sosial yang dinamakan oleh pembuat perubahan (*change-makers*) terpilih. Setakat Oktober 2019, Sadaqa House telah mengumpulkan dana berjumlah RM368,621.59, yang telah disalurkan kepada *change-makers* aktif iaitu Yayasan Institut Jantung Negara (IJN), Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sehingga kini, Sadaqa House telah memberi manfaat kepada 21 pesakit pediatrik di IJN, tujuh usahawan di bawah YSB dan 13 buah rumah daripada projek pembangunan tenaga solar oleh UTM.

Sadaqa House merupakan cerminan komitmen Bank Islam terhadap kebajikan sosial dengan mengguna pakai teknologi kewangan. Oleh itu, Sadaqa House menawarkan kemudahan yang mudah diakses dan mesra pengguna untuk segenap masyarakat bagi membolehkan mereka menyumbang dan menyokong usaha-usaha murni atau projek kebajikan sosial yang dijalankan oleh *change-makers* terpilih.

Pada tahun 2015, Bank Islam menerima pengiktirafan IRBA menerusi kategori Anugerah Bank Runcit Islam Terkukuh di Malaysia dan Anugerah Inovasi Perbankan Runcit Islam Terbaik pada tahun 2016.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	---

